

Hadi: Pegawai Pusat bantu belanjawan pembangkang

UM 18 SEP 2002

KEMAMAN 17 Sept. — Ketua Pembangkang, Datuk Seri Abdul Hadi Awang mendedahkan rangka belanjawan pakatan pembangkang turut berasaskan maklumat-maklumat yang disalurkan oleh ramai pegawai-pegawai Kerajaan Pusat.

Beliau berkata, walaupun terikat dengan akujanji, mereka bersama pakar ekonomi dari institusi pengajian tinggi dan ahli korporat telah membantu menjadikan rangka belanjawan pakatan pembangkang mampu menepati aspirasi rakyat.

Sehubungan itu, katanya, ia tidak boleh diketepikan begitu sahaja dan mana-mana pihak tidak boleh menganggap ia sekadar gimik politik pembangkang dan sebagai suatu jenaka.

Beliau yang juga Menteri Besar Terengganu berkata, tidak salah seseorang kakitangan kerajaan menyalurkan maklumat belanjawan kepada pakatan pembangkang jika mereka mendapati dasar yang diamalkan oleh Kerajaan Pusat selama ini tidak betul.

“Mereka ini yang merangka belanjawan kita. Pemimpin politik juga turut menyumbang idea merangkanya,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Projek Perumahan Bercampur Desa Taqwa di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan cadangan pembangkang untuk membentangi belanjawan versi mereka di Parlimen sebagai jenaka.

Menurut Perdana Menteri, belanjawan pembangkang itu jelas bermotifkan politik, bertujuan mencari populariti di kalangan rakyat dan ingin menunjukkan betapa baiknya mereka.

Sambil menafikan belanjawan yang dibentangkan oleh pembangkang sebagai satu jenaka, Abdul Hadi berkata, pihaknya menyerahkan kepada rakyat untuk menilainya.

Beliau menyifatkan belanjawan pakatan pembangkang lebih adil dan saksama kerana bantuan yang lebih serta rangka penyaluran yang lebih efektif ditekankan kepada golongan miskin.

Abdul Hadi mendakwa, selama ini Kerajaan Pusat gagal memainkan peranannya untuk membasmi kemiskinan melalui peruntukan belanjawan yang telah diluluskan setiap tahun.

Beliau menuduh bahawa kegagalan ini berpunca daripada penyelewengan bantuan yang disalurkan kepada golongan sasaran.

“Dalam soal pembasmian kemiskinan, (Kerajaan) Pusat tidak mempunyai agenda yang terancang dan tidak menetapkan sasaran bilangan mereka yang patut keluar daripada lingkaran kemiskinan,” ujar beliau.

Beliau turut mendakwa pertambahan peruntukan pada setiap belanjawan hanyalah semata-mata mahu menolong kroni-kroni kerajaan untuk mendapatkan kontrak.

“Sebenarnya pertambahan dalam belanjawan yang kita dengar tiap tahun adalah untuk membantu orang-orang kuat kerajaan mendapat kontrak kerajaan seperti membina pagar sekolah.

“Selain membasmi kemiskinan kita turut menekankan soal kebajikan wanita di dalam